

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN MUSODDAK BIN AHMAD**

**TARIKH : 19 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan strategik Kementerian dalam menangani kemalangan melibatkan kendaraan berat yang semakin membimbangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi Kementerian Pengangkutan (MOT) dalam menangani kemalangan melibatkan kenderaan berat telah terkandung dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030. Beberapa aspek yang diberi penekanan melalui PKJRM 2022-2030 adalah infrastruktur dan kenderaan yang lebih selamat, pengurusan kelajuan, penggunaan teknologi dan tindakan penguatkuasaan di lapangan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).
2. Bagi menangani isu kemalangan yang berpunca daripada kenderaan melebihi muatan, MOT bersama Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang dalam proses akhir untuk membangunkan sistem "*High Speed - Weigh in Motion*" atau HS-WIM. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM ini, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan dalam waktu sebenar atau automatik tanpa memerlukan kenderaan tersebut berhenti untuk ditimbang. Penggunaan sistem HS-WIM juga akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia atau keberadaan anggota di lokasi operasi penguatkuasaan.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, MOT melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sedang berbincang untuk menambahbaik Kod Amalan Industri (ICOP) Keselamatan bagi kenderaan berat. Pihak pengendali wajib mematuhi ICOP Keselamatan yang telah ditetapkan oleh APAD yang merangkumi aspek tanggungjawab pengendali, pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan risiko dan pengurusan rekod. JPJ juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan audit pematuhan ke atas pengendali yang berisiko. Melalui strategi penguatkuasaan, JPJ turut melaksanakan penguatkuasaan secara kawalan kendiri di mana, JPJ turut menjalankan audit pematuhan iaitu *JPJ Inspection & Safety Audit* (JISA) bagi kenderaan berat yang berisiko tinggi.

**NO. SOALAN: 40**

4. Selain itu, MOT melalui JPJ turut melaksanakan program kesedaran dan peningkatan literasi keselamatan jalan raya melalui program *Safety Awareness and Focused Advocacy for Road Users* (SAFER) yang turut melibatkan pemandu dan syarikat kenderaan berat dan komersil.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, orang awam juga boleh menjadi squad komuniti dalam mengemukakan aduan berhubung kenderaan berat yang mencurigakan atau melakukan kesalahan jalan raya melalui Talian Aduan MOT 1-800-88-7723 atau Aplikasi WhatsApp +6019-2907723 atau emel di [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my). Talian aduan ini telah diwartakan oleh APAD dan berkuatkuasa bermula 15 Oktober 2023. Semua pengendali diwajibkan untuk menukar pelekat ini dan telah diberikan tempoh satu tahun bagi menggantikan pelekat aduan yang lama iaitu Hotline SPAD 1-800-88-7723.

Sekian, terima kasih.